

**KOLOKIUUM KEBANGSAAN MELAYU PULAU PINANG 17 – 18 SEPTEMBER
2003 DI UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

TANAH WAKAF : ISU DAN CABARAN

OLEH ARIFFIN OMAR

**PUSAT PENGAJIAN ILMU KEMANUSIAAN
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

Pada bulan Mac 1992, Berita Harian dalam suatu editorial telah menyentuh tentang kegagalan negeri-negeri memajukan tanah wakaf yang diamanakan kepada mereka sebagai suatu sumber ekonomi. Berita Harian menggambarkan betapa banyak lagi potensi ekonomi umat Islam yang belum diterokai dan dimanfaatkan sepenuhnya. Keadaan ini berlaku kerana pelbagai sebab. Selain tidak mempunyai wawasan yang jelas mengenai cara bagaimana hendak memajukan tanah-tanah wakaf di seluruh negara yang kini dianggarkan bernilai lebih \$500 juta itu, pengurus atau lebih tepat lagi pengusaha tanah-tanah wakaf ini juga mungkin tidak mempunyai kemahiran serta pengetahuan mengenai soal pembagunan hartanah serta prinsip ekonomi yang perlu bagi memanfaatkan harta yang ada. Oleh itu meskipun tanah wakaf yang sepatutnya mereka uruskan itu terletak di kawasan pertumbuhan ekonomi yang strategik, kesempatan itu tidak dapat digunakan sepenuhnya. Tidak lama kemudian pemimpin-pemimpin politik negara mengesa supaya semua kerajaan negeri mengambil tindakan untuk memajukan tanah wakaf yang didapati di negeri masing masing. Dr. Mahathir dalam suatu kenyataan dalam NST telah mengatakan bahawa walaupun soal tanah wakaf itu merupakan suatu masalah yang sulit tetapi tanah wakaf

“should not be left idle or merely turned into graveyards. It has to be developed to bring benefits to the people.”¹

Editorial Berita Harian ini amat menarik tetapi jika kita baca secara teliti apa yang ditegaskan didalam Lidah Pengarang ialah kemajuan ekonomi tetapi kemajuan umat Islam serta kebajikan kaum muslimin yang tertinggal itu tidak diberi penekanan. Kemajuan ekonomi yang ditegaskan disini ialah kemajuan ekonomi kapitalis yang tidak ambil kira kebajikan orang ramai. Saya fikir tidaklah perlu bagi saya memberi keterangan yang panjang lebar tentang apa sebabnya wakaf didirikan dan apakah nilai dan prinsip konsep wakaf. Saya berharap bahawa ini memang difahami kalau tidak, maka banyaklah masalah akan timbul. Dalam Islam juga terdapat beberapa jenis wakaf dan ini pun saya tidak akan sentuh secara terperinci disini kerana dapat dibaca dalam mana buku buku tentang kewujudan wakaf.

Tetapi secara ringkas kita mendapati bahawa ada dua jenis wakaf iaitu **Wakaf Am** dan **Wakaf Khas**. **Wakaf Am** ialah harta yang diwakafkan untuk dibangunkan oleh agensi pengamanah untuk kepentingan semua umat Islam setempat dan kepentingan umat Islam semasa, hingga ke masa hadapan. **Wakaf Am** memberi faedah kepada semua dalam masyarakat. **Wakaf Khas** ialah harta yang diwakafkan dengan tujuan projeknya ditentukan oleh pihak yang mewakafkannya. Contohnya mewakafkan untuk sesuatu projek yang khusus, seperti tanah untuk mendirikan masjid, surau, sekolah, hospital, tanah perkuburan dan sebagainya. Keutamaan projek diwakafkan biasanya dipengeruhi

oleh faktor-faktor kefahaman agama dan citarasa pewakaf dalam memenuhi keperluan sesebuah masyarakat tersebut. Wakaf ini hanya memberi faedah kepada golongan tertentu sahaja.

Tetapi setelah saya membaca kenyataan Perdana Menteri saya merasa bimbang kerana bagi saya tanah wakaf yang digunakan sebagai tanah perkuburan merupakan salah satu daripada jenis wakaf yang diiktiraf dalam Islam dan jika ini tidak diterima lagi maka tidak lama kemudian prinsip prinsip murni yang lain yang berkait dengan institusi wakaf akan hilang sama sekali kerana prinsip prinsip ini akan dikebumikan oleh suatu dasar ekonomi yang hanya akan menguntungkan kelompok kapitalis dan bukan umat Islam. Itu sebabnya kita ini mestilah berhati-hati kerana tidak lama kemudian jika tanah wakaf yang digunakan sebagai tanah perkuburan pun tidak selamat ini akan bermakna bahawa sesiapa yang dikebumikan ditanah-tanah tersebut hanya penghuni sementara sahaja kerana semua mereka ini akan dikelaskan sebagai penghuni yang mempunyai t.o.l. sahaja.

Di Pulau Pinang soal tanah wakaf memang telah menimbulkan banyak kontroversi dikalangan umat Islam negeri ini. Kalau saya tak salah Pulau Pinang mempunyai hampir 90 hektar tanah wakaf. Ini ialah petikan daripada kenyataan Ali B. Boerhannoedin seorang pensyarah di Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, Universiti Malaya.² Majlis Agama Pulau Pinang mempunyai maklumat tentang tanah wakaf di Pulau Pinang dan juga di Seberang Perai seperti berikut:

TANAH WAKAF MENGIKUT DAERAH DI NEGERI PULAU PINANG

Daerah	Bilangan Lot	Keluasan (Hek.)
Sebarang Perai Utara	249	138.4833
Sebarang Perai Tengah	208	98.2293
Sebarang Perai Selatan	85	46.0721
Daerah Timur Laut	123	33.1777
Daerah Barat Daya	132	49.4834
JUMLAH	797	365.4458

Sumber: MAINPP

Dr. Ibrahim Saad, bekas Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang telah menjelaskan bahawa ada 20 plot tanah wakaf yang bernilai 60 juta ringgit yang terbiar kerana Majlis Ugama tidak memajukan tanah-tanah ini. Menurut Dr. Ibrahim Saad, tanah sebanyak 13 hektar haruslah dimajukan untuk orang Islam Pulau Pinang tetapi sewa yang diperolehi daripada tanah-tanah wakaf ini terlalu rendah. Lokasi lokasi tanah-tanah wakaf ini ialah di ^{kg. Syed} Copee Amah di Jalan Burmah yang merangkumi 13,000 meter persegi. Tanah ini yang bernilai sebanyak 11.4 juta disewa untuk sewa 142 ringgit sebulan.

Tanah wakaf di Thean Teik yang merangkumi 57,000 meter persegi dengan nilai 13 juta ringgit disewa untuk 144 ringgit sebulan. Tanah-tanah wakaf yang lain didapati di Chulia Street yang bernilai 4 juta, Kampong Dodol 3.5 juta dan di Air Itam yang bernilai 13 juta ringgit. Semua tanah ini disewa dengan sewa antara 195 sehingga 412 ringgit sebulan. Tetapi apa yang amat menarik ialah dalam kenyataan ini beliau telah menyampaikan bahawa suatu syarikat iaitu As-Shahabah Holdings Sdn. Bhd. yang ditubuhkan pada awal tahun 1993 telah menyampaikan kertas kerja kepada kerajaan negeri untuk memajukan tanah wakaf di Chulia Street bagi pihak Majlis Agama Pulau

Pinang.³ Sebenarnya, lebih awal lagi Datuk Yussof Latiff Pengerusi Majlis Agama Pulau Pinang telah memilih lima plot tanah wakaf untuk dimajukan. Tanah ini terletak di Prai, Balik Pulau, Chulia Street, Kampong Makam, Buckingham Street dan Teluk Air Tawar. Semua tanah ini akan dimajukan oleh As-Shahabah Holdings sebuah syarikat yang didirikan oleh Majlis Agama untuk tujuan ini. Datuk Yussof Latiff telah menerangkan bahawa Majlis Agama akan mengambil alih pengurusan semua tanah wakaf sebelum meneruskan dasar untuk memajukan. Tetapi masih ada 50% daripada tanah wakaf yang di urus oleh pewaris.⁴ Untuk menjelaskan saiz dan nilai tanah wakaf di Pulau Pinang sila rujuk kepada keterangan di bawah:

NORTHEAST DISTRICT WAKAF LAND			
WAKAF NAME	LOCATION	EST WORTH	MONTHLY RENTAL
1. Coopee Amah	Lot 147, Jln Burmah	\$11.4 million	\$142.00
2. Syed Abd. Rahman Bifakeh	Lot 275, Lbh Pantai	\$192,000	\$124.00
3. Masjid Khan Mohd.	Lot 279, Jln Perak	\$2.6 million	\$31.00
4. -DO-	Lot 303, 304, Jalan Perak	\$711,000	\$61.00
5. Masjid Alimsyah Wally	Lot 1056, 1057 Jln Chulia	\$4.0 million	\$368.00
6. Masjid Nagore	Lot 260, Jln Seang Tek	\$405,520	\$160.00
7. -DO-	Lot 1822 Jln Merican	\$77,760	\$34.00
8. Masjid Kampong Jawa	Lot 1534, Jalan Air Itam	\$2.5 million	\$43.00
9. Masjid Kapitan Kling	Lot 1268, 1272, 1275, 1276, Lbh. Kapitan Keling	\$250,000	\$568.00
10. Masjid Shiekh Yusof	1396 Jln Thean Teik	\$13.0 million	\$144.00
11. -DO-	1397 Jln Thean Teik	\$1.0 million	-----
12. -DO-	Lot 962 Jln Air Itam	\$13.0 million	\$412.50
13. Masjid Kapitan Kling	Lot 1233, 394 Jln Kpg. Kolam	\$800,000	\$1,150.00
14. -DO-	Lot 1238, Lbh Carnovan	\$750,000	\$39.00
15. -DO-	Lot 318, 319, 323, 331 Jalan Tampin	\$1.0 million	-----
16. -DO-	Lot 561, 563 Kpg. Dodol	\$3.5 million	-----
17. -DO-	Lot 57, Lbh. Kap Kling	\$3.0 million	-----
18. -DO-	Lot 57, Lbh Ah Quee	\$3.0 million	-----

Kitapun harus sedar bahawa Majlis Agama Islam Pulau Pinang (MAIPP) tidak akan melayan tuntutan pampasan mana-mana pihak terutama mereka yang mendakwa waris tuan tanah yang diwakafkan kononnya kepada Majlis. Menurut Yusuf Latiff tuntutan itu tidak dilayan walaupun waris itu ada bukti kukuh termasuk geran hakmilik. Kenyataan ini berpunca daripada tuntutan terhadap tanah tiga hektar di Lot 30 Kampong Datuk Keramat yang dijadikan tanah wakaf oleh Allahyarham Kasim Mohamad Umul. Menurut Yusof Latif Allahyarham Kasim telah mewakafkan tanah kepada majlis itu sebelum beliau meninggal dunia. Tetapi seorang waris Allahyarham Kasim dilaporkan hairan kenapa perkara ini berlaku kerana setahunya Allahyarham tidak mewakafkan tanah itu yang kini mempunyai 58 rumah berpelan dan 22 rumah setinggalan.

Bantahan pewaris menimbulkan banyak masalah sehingga Yusuf Latiff terpaksa menjelaskan bahawa Majlis tidak pernah merampas tanah-tanah milik perseorangan sewenang-wenang untuk dijadikan tanah wakaf dan ia bertanggung jawab memajukan tanah itu. Menurutnya jika umat Islam masih mahu mempertikaikan hak milik tanah yang sudah diwakafkan, sukar bagi MAIPP membangun kawasan itu dengan pelbagai projek bermanfaat dan memberi kebaikan. Tetapi ada beberapa kes dimana Majlis Agama Islam Pulau Pinang menghadapi perbicaraan dimahkamah. Satu kes yang amat menarik ialah mengenai kes Mesjid Jamek Haji Abdul Wahab dimana MAIPP telah bercadang untuk merobohkan Mesjid tersebut yang berdiri atas tanah wakaf supaya dapat mendirikan sebuah bangunan lima tingkat untuk tujuan perniagaan. Kononnya dua tingkat bangunan ini akan diberi kepada Bank Islam dan dua tingkat lagi akan digunakan sebagai Mesjid. Menurut rekod sejarah Mesjid Jamek Haji Abdul Wahab yang terletaknya di Jalan

MacAlister yang sekarang diubah nama kepada Jalan Pemenang, berdiri sejak 106 tahun dahulu dan tindakan untuk merobohkan Mesjid ini ditentang oleh salah seorang pewaris yang bernama Isa Abdul Rahman dan juga qariah Mesjid Jamek Haji Abdul Wahab. Mereka menentang tindakan MAIPP kerana rancangan untuk merobohkan Mesjid ini bertentangan dengan hukum syarak dan juga syarat-syarat wakaf khas. Dalam kes ini MAIPP mengemukakan bahawa Mahkamah sivil yang sedang membicarakan kes ini tidak berhak membuat sebarang keputusan tentang perbicaraan kerana terdapatnya orang Islam dan bukan Islam dalam mahkamah sivil dan perlantikkan mereka itu bukan berdasarkan kepada kepakaran mereka dalam hukum syariah. Bagi saya hujah ini digunakan untuk melepaskan diri daripada kemungkinan bahawa MAIPP akan kalah. Yang menarik perhatian saya ialah pihak Mesjid diwakili oleh Tuan Sulaiman Abdullah dan M. Athimulan seorang Hindu manakala MAIPP di wakili oleh N. Mureli seorang ^{D. M. Ghazali} yang beragama Hindu. Ta'kan tiada seorang peguam beragama Islam yang sanggup membela MAIPP? Pelik betul.

Apa sebabnya MAIPP ingin mengambil alih tanah-tanah wakaf di Pulau Pinang? Jawapan untuk soalan ini mungkin dapat dikesan dalam suatu seminar yang diadakan di Pulau Pinang dan dianjurkan oleh Persatuan Melayu Pulau Pinang atau Pemenang. Tajuk seminar ini ialah "Dilema Tanah Milik Melayu Dan Tanah Wakaf Islam Negeri Pulau Pinang: Masaalah Dan Penyelesaian. Seminar in diadakan di Universiti Sains Malaysia pada 1hb Oktober 1999. Dalam ucapannya kepada peserta-peserta seminar ini Tun Daim Zainuddin Menteri Kewangan pada masa itu telah menjelaskan bahawa pembangunan dan kemajuan tanah-tanah yang dimiliki oleh orang Melayu serta tanah wakaf amatlah

penting untuk melindungi kaum bumiputra. Maka dengan ini sudah jelaslah bahawa kemajuan tanah-tanah wakaf itu dikait rapat dengan kepentingan kaum bumiputra khususnya orang Melayu. Ramai peserta memang setuju dengan cadangan-cadangan yang dikekukakan untuk memajukan tanah wakaf tetapi rancangan-rancangan ini mesti menguntungkan masyarakat Islam keseluruhannya dan bukan untuk kepentingan sekompok. Seminar ini yang saya sendiri menyertai tidak dapat memberi sebarang garis panduan tentang macam mana tanah-tanah wakaf dapat dimajukan dan sejauhmanakah prinsip dan nilai wakaf itu dapat dikekalkan. Maka oleh kerana tidak dapat ketulusan timbulah perasaan syak wasangka dikalangan kaum bumiputra Pulau Pinang.

Oleh sebab itu pembangunan yang dirancangkan untuk tanah wakaf di Pulau Pinang nampaknya hanya untuk memperolehi keuntungan semata-mata dan bukan untuk kebajikan umat Islam. Bagi saya ini merupakan suatu kelemahan yang amat serius. Kerana apa yang dipentingkan ialah keuntungan bukan kebajikan umat Islam. Yang mengecewakan lagi ialah kepentingan politik kelompok kelompok tertentu diberi keutamaan dan bukan prinsip dan nilai agama Islam.

Di samping itu Majlis Agama Islam Pulau Pinang tidak pernah menjemput orang ramai supaya bincang bersama apa jenis pembangunan yang dapat diteruskan untuk memajukan tanah wakaf. Oleh sebab itu sebarang rancangan yang telah disediakan untuk memajukan tanah-tanah wakaf dan sejauhmanakah kemajuan tanah-tanah wakaf ini akan menguntungkan umat Islam tidak diketahui. Misalnya Komite Tindakan Wakaf Haji Kasim Kampong Makam di Jalan Dato Keramat telah meminta kerajaan negeri supaya

resolusi
↓
hati
dibincang
boleh
to
top
jari ih
bagi se
keawasan
dibincang dua
dgn. menyeri
sejemput d
maka tanah

beri penjelasan apakah garis panduan yang akan digunakan untuk memajukan tanah wakaf kampung Makam. Pengerusi Comitte Salim Hashim menjelaskan bahawa garis panduan itu amat penting supaya penduduk dapat memahami konsep kemajuan yang sedang dicadangkan. Penduduk-penduduk Kampung Makam sering kali dengar berita tentang bahawa sebuah kompleks perniagaan serta rumah pangsa akan didirikan di tanah wakaf Kampung Makam dan ini semua ialah untuk meningkatkan taraf hidup orang Melayu di kawasan bandar. Tetapi setakat ini tiada siapa pun yang datang untuk menemui penduduk disana dan beri keterangan tentang rancangan kemajuan disana. Penduduk Kampung Makam bimbang bahawa rumah pangsa yang akan didirikan tidak dapat dimiliki kerana diluar kemampuan mereka.. Menurut beliau penduduk Kampung Makam tidak menentang kemajuan tetapi jika kemajuan tersebut bercanggah dengan prinsip dan nilai wakaf maka ini tidak boleh diterima.

Jelaslah bahawa oleh kerana semua rancangan kemajuan tanah wakaf yang disediakan berbau kepentingan politik maka ketulusan yang amat diperlukan untuk memajukan tanah-tanah wakaf bagi kepentingan umat Islam tiada dapat dilaksanakan dengan sempurna. Tetapi jika kita rujuk kepada cara tanah tanah wakaf dimajukan di Pulau Pinang, maka ramai penduduk Islam bimbang bahawa kepentingan umat Islam akan diabaikan. Mengikut rekod Majlis Agama Islam Pulau Pinang nilai tanah wakaf yang ada sekarang sudah melebihi 100 juta ringgit. Sehingga ini tanah wakaf yang sudah dibangunkan ialah Lot 3285, Jalan Perak (Rumah Pangsa), Lot 603, 604, 605 di Lebuhr Buckingham (Bangunan MARA), di Lot P.T. 4HS(D)82 Jalan Macalister (Menara UMNO) dan Lot 2581, tanah Baitulmal di Teluk Air Tawar (Projek Perumahan).

Terpulang kepada masing masing untuk menilai sejauh manakah pembangunan seperti ini memberi manfaat kepada umat Islam. Mungkin ada kebaikannya dan juga keburukannya juga.

Tetapi macam manapula tanah wakaf harus dibangunkan untuk kepentingan umat Islam? Negeri negeri di semenanjung tanah Melayu tidak mempunyai suatu procedure yang umum ataupun standard untuk memajukan tanah wakaf. Dalam kajian saya, saya mendapati bahawa hanya suatu buku yang authoritative dapat dijumpai oleh saya iaitu buku yang berjudul *Islamic Law with Special Reference to the Institution of Waqf* oleh Mohd. Zain Haji Othman, Jabatan Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Buku ini diterbitkan oleh Bangunan Agama, Jabatan Perdana Menteri, pada 1982. Dalam pengantarnya kepada buku ini, Allahyarham Professor Ahmad Ibrahim, Dekan Fakulti Undang-Undang, Universiti Malaya, menulis : "There is no book on the law of wakafs in Malaysia and unfortunately the law has been allowed to develop on the basis of the decision of the Privy Council from India." Allahyarham Profesor Ahmad Ibrahim berharap dengan terbitnya buku Mohd. Zain, peguam dan hakim akan memahami dan menghargai Shariah Islam mengenai wakaf. Sesungguhnya, buku ini bukan sahaja berguna kepada pakar-pakar undang-undang tetapi juga kepada waris pewakif, nazir, mutawalli dan pembela-pembela tanah wakaf amnya.

Tetapi malangnya pada hari ini soal and isu tanah wakaf dikaitkan dengan politik kaum Melayu dan parti parti politik tertentu. Keadaan ini amat bahaya jika tidak dapat dikawal. Kerana seperti yang saya telah menagaskan dalam perbincangan ini wakaf-

wakaf yang didirikan berdasarkan kepada prinsip-prinsip yang termaktub dalam shariah agama Islam dan jika ini diabaikan maka kedudukan dan juga marwah agama Islam akan terus tergadai. Sebab itu terpulang kepada umat Islam keseluruhannya untuk bertindak dan menentukan bahawa prinsip-prinsip murni tanah wakaf tidak hilang sama sekali dalam dasar mengkopratkan kegiatan ekonomi sehingga tanah tanah wakaf pun diambil alih untuk kepentingan parti-parti politik dan kelompok-kelompok tertentu. Pada pendapat saya masih ada masa untuk mengatasi masalah-masalah yang didapati tentang kemajuan tanah wakaf di Pulau Pinang. Cara yang paling sesuai untuk mengatasi masalah-masalah yang dihadapi ialah melalui perbincangan dengan pewari-pewaris tanah wakaf tentang macam-macam mana hendak membangunkan tanah wakaf serta mengamalkan suatu dasar yang tulus dalam sebarang rancangan untuk mengusaha tanah-tanah wakaf di Pulau Pinang. Selama rancangan pembangunan tanah wakaf tidak melibatkan pewaris-pewaris tanah wakaf serta pihak-pihak yang berkenaan, sebarang usaha untuk memajukan tanah wakaf akan menghadapi banyak masalah.

Sekian, terima kasih.

¹ New Straits Times, 8th. March 1992.

² Star, 28 Sept, 1993.

³ Star, 20 Sept. 1993.